

DATE: 14/08/2007

Perdana Menteri ucap takziah

UM - 14/8/2007

KUALA LUMPUR 13 Ogos – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengucapkan takziah kepada keluarga kesemua mangsa kemalangan maut melibatkan sebuah bas ekspres berhampiran Bukit Gantang, Taiping di Perak awal pagi tadi.

Perdana Menteri mengambil kesempatan menyampaikan ucapan takziah itu dan melahirkan rasa dukacitanya ketika berucap merasmikan Konvensyen Pengurusan Aset dan Fasiliti Negara (Nafam) 2007 di sini.

“Saya berduka cita dan mengucapkan takziah kepada ahli-ahli keluarga yang terbabit dengan kematian dalam nahas pagi ini,” katanya.

Seramai 20 penumpang sebuah bas ekspres maut dan 10 cedera apabila bas itu terbalik pada pukul 4.48 pagi ini di Kilometer 229.1 Lebuhraya Utara Selatan berhampiran Bukit Gantang, Taiping, ketika menuruni bukit dalam perjalanan dari Melaka ke Butterworth.

Katanya, sebaik mengetahui kemalangan itu, beliau telah bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu sama ada ia berpunca daripada keadaan jalan atau jalan terbabit sedang dibaiki.

“Samy Vellu berkata, kerja membaiki jalan itu dilaksanakan dengan baik dan jalan di situ juga dalam keadaan baik,” katanya.

Sehubungan itu kata beliau, sesuatu perlu dilakukan bagi mengatasi faktor kecuai manusia yang mengakibatkan kemalangan.

Beliau berkata, pemandu bas mesti sentiasa sihat fizikal dan mental sebagaimana juruterbang pesawat sentiasa sihat serta mementingkan keselamatan pesawat dan penumpang.

Beliau turut mencadangkan bagi perjalanan jauh, setiap bas perlu mempunyai dua pemandu yang sihat bagi memastikan tiada kemalangan yang disebabkan pemandu mengantuk.

“Harus juga dipastikan mereka mengelak daripada mengambil atau melakukan sesuatu yang memudaratkan, tidak memandu melebihi jumlah jam tertentu selain harus mempunyai beberapa tahun pengalaman memandu,” katanya.

Beliau juga mahu semua pemandu kenderaan pengangkutan awam mempunyai pengalaman dan mementingkan keselamatan sebelum diambil bekerja.